

Rombakan Kabinet masih samar

BH-8/2/2006

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terus menimbulkan teka teki mengenai rombakan Kabinet apabila persoalan itu dikemukakan wartawan, semalam.

Berikut soal jawab wartawan dengan Abdullah berkisar isu rombakan Kabinet pada sidang akhbaranya selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di sini.

Wartawan: Adakah Datuk Seri sibuk dengan persiapan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sekarang?

Abdullah: Ya, saya amat sibuk.

Wartawan: Adakah ini menjadi punca Datuk Seri belum mengumumkan rombakan Kabinet?

Abdullah: Soalan sangat bijak. Ada soalan lain?

Wartawan: Adakah Datuk Seri mempunyai aspirasi sekarang untuk

merombak Kabinet?

Abdullah: Inspirasi atau aspirasi?

Wartawan: Inspirasi

Abdullah: Inspirasi belum ada, aspirasi ada. Okeylah... cukuplah tu, tak apa.

Kali terakhir Perdana Menteri mengulas mengenai isu rombakan Kabinet ialah pada 10 Januari lalu, pada satu sidang media selepas majlis sambutan Aidiladha dan jamuan te-

ngah hari di Masjid Kubang Menerung di Kepala Batas.

Ketika itu, Abdullah memberitahu beliau belum mendapat ilham dan sambil berseloroh Perdana Menteri berkata, ia boleh datang pada bila-bila masa dan tanpa disangka-sangka.

Bagaimanapun, sebelum bercuti akhir Disember lalu, beliau ada membayangkan rombakan Kabinet akan dilakukan pada bila-bila masa sebaik mendapat ilham.